

Penganalisis: Mac-Jun 2012 masa sesuai PRU-13
The Malaysian Insider
15 November , 2011
Oleh Mohd Farhan Darwis

KUALA LUMPUR, 15 Nov — Penganalisis politik tempatan tidak menjangkakan pilihan raya umum ke-13 akan diadakan dalam waktu terdekat ini, sebaliknya berpendapat adalah lebih baik jika pentadbiran Najib memilih tahun depan — antara Mac dan Jun kerana kerajaan pimpinannya dilihat masih perlu melaksanakan banyak perkara.

Datuk Seri Najib Razak dijadual mengadakan pertemuan dengan ketua-ketua komponen Barisan Nasional (BN) lewat hari ini susulan mesyuarat Dewan Tertinggi Jumaat lalu.

Pertemuan itu diadakan di sebalik laporan semalam memetik RHB Research Institute yang mengatakan bahawa pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tahun depan dijangka perlahan - 3.6 peratus berbanding 4.5 peratus tahun depan meskipun dianggarkan pertumbuhan kukuh pada suku ketiga. Standard Chartered Bank pula mengunjur KDNK Malaysia berkembang sebanyak 3.7 peratus tahun 2012, turun daripada 4.2 peratus tahun ini, bersandarkan permintaan eksport yang perlahan.

Mengulas lanjut, Prof Madya Dr Samsu Adabi Mamat berpendapat, November bukan masa yang sesuai untuk kerajaan membubarkan Parlimen kerana banyak masalah yang belum kerajaan diselesaikan.

“Mustahil untuk kerajaan melaksanakan pilihan raya pada tahun ini kerana perlu mengambil kira beberapa faktor seperti masalah rakyat yang belum diselesaikan kerajaan, saya menjangkakan yang paling sesuai adalah Mac 2012 tetapi itu terpulang pada kejutan-kejutan yang akan diumumkan kerajaan,” katanya kepada The Malaysian Insider baru-baru ini.

Selain itu, tambah beliau, Perhimpunan Agung Umno 2012 akhir bulan juga tidak memungkinan kerajaan akan mengumumkan tarikh pilihan raya dalam waktu terdekat.

“Dalam persidangan itu nanti, kerajaan harus fokus terhadap isu calon boleh menang kerana ia akan mengambil kira faktor kemenangan Umno-BN,” kata pensyarah sains politik Universiti Kebangsaan Malaysia ini.

Jelas penganalisis politik ini, agak mustahil pilihan raya diumumkan bulan depan kerana dijangkakan banjir besar melebihi 20 hingga 40 peratus berbanding tahun lalu akan melanda kawasan Pantai Timur dan juga Perak, Perlis, dan Kedah, dan jika hal ini terjadi, kerajaan akan mengalami kehilangan undi yang besar kerana peratusan keluar mengundi akan menurun.

“Namun begitu, pemberian bonus kepada kakitangan awam dijangkakan penghujung tahun ini, dan itu juga adalah masa yang sesuai untuk kerajaan melaksanakan pilihan raya, tapi terpulang kepada Perdana Menteri kerana beliau sahaja yang tahu bila masa sebenar tarikh pilihan raya,” katanya lagi.

“Januari juga bukan waktu yang sesuai kerana pengundi pada masa itu masih lagi terkesan dengan banjir dan masing-masing akan sibuk untuk membersihkan rumah dan belum

bersedia untuk keluar mengundi.

"Berdasarkan faktor itu, dijangkakan antara waktu yang paling selesa adalah Februari atau Mac... itu pun 50-50, kerana pada masa itu kerajaan sudah bersedia untuk menghadapinya, tetapi itu terpulang kepada kerajaan kerana strategi tidak kenal selesa," katanya.

Sementara itu, pensyarah kanan Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa Universiti Utara Malaysia, Dr Mohd Azizuddin Mohd Sani menjangkakan pilihan raya mungkin akan diadakan sekitar Jun depan kerana kerajaan menurutnya belum bersedia lagi.

Hal ini menurut Azizuddin, jawatankuasa pilihan khas Parlimen (PSC) berkaitan penambahbaikan pilihan raya masih belum menunaikan tanggungjawabnya dan kerajaan juga harus menunggu pembentangan laporannya sebelum memutuskan pilihan raya.

"Saya cadangkan pilihan raya dibuat sekitar bulan Jun bagi memberikan tempoh yang cukup untuk PSC menjalankan tanggungjawab mereka.

"Datuk Seri Najib harus buktikan beliau mampu mendapat mandat rakyat sebelum memastikan pilihan raya dilaksanakan, BN sudah dapat mandat rakyat, tetapi beliau (Najib) belum lagi, oleh itu, sekiranya BN mahukan kemenangan, pastikan Perdana Menteri mendapat mandat daripada rakyat," kata penganalisis politik ini.

Selain itu jelasnya, banyak lagi masalah yang belum diselesaikan kerajaan seperti pelaksanaan janji yang dibuat ketika pembentangan Bajet 2012 memandangkan itu adalah faktor penentu kemenangan untuk BN.

"BN perlu pastikan mereka menang besar, bukan setakat menang, tetapi menang dengan majoriti yang besar, itu akan jadi bukti dasar-dasar kerajaan selama ini diterima rakyat," jelasnya.

Sependapat dengan beliau, Ketua Kluster Sejarah, Warisan dan Sosiobudaya, Majlis Professor Negara Prof Datuk Dr Zainal Kling juga berpendapat pilihan raya seharusnya dilaksanakan tahun depan berikutan janji yang diberikan kerajaan sewaktu pembentangan bajet lalu masih lagi belum menampakkan kesannya.

"Memang kesan daripada bajet memerlukan masa yang lama untuk direalisasikan tetapi kerajaan harus berupaya menunjukkan kesan-kesan positif ke arah itu.

"Perdana Menteri harus buktikan kepada rakyat janji-janji itu dapat ditunaikan," katanya.

Pensyarah Universiti Pendidikan Sultan Idris ini juga berpendapat sekiranya BN merealisasikan janji-janji tersebut, kemungkinan untuk kerajaan menang besar ketika pilihan raya adalah tinggi.

"Kerajaan harus buktikan itu bukan janji kosong, rakyat harus yakin kerajaan dapat menunaikan janji mereka itu," katanya lagi.

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/penganalisis-mac-jun-2012-masa-sesu>

ai-pru-13/